



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 APRIL 2016

Syarikat minyak perlu adil kepada pekerja – PM

UM - 19/4/2016

KUALA LUMPUR 18 April - Syarikat-syarikat swasta khususnya dalam sektor minyak dan gas yang kini mengalami prospek tidak menentu perlu memberi pertimbangan sewajarnya kepada pekerja jika berhasrat mahu mengurangkan bilangannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebagai contoh, syarikat-syarikat terbabit perlu memberi pampasan yang adil supaya bekas pekerja-pekerja mereka boleh mencari pekerjaan atau menceburi bidang lain.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan hanya boleh menggalakkan syarikat-syarikat minyak dan gas berbuat demikian kerana kerajaan termasuk kerajaan-kerajaan lain di seluruh dunia secara hakikatnya tidak boleh menjamin sesuatu sektor berkembang atau menguncup dari segi permintaan.

“Kita telah melihat beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat dan syarikat multinasional seperti BP, Shell dan ExxonMobil mengurangkan bilangan pekerja mereka.

“Apa yang kita mesti sedar bahawa sektor minyak dan gas ini permintaannya di luar daripada kawalan kita, oleh itu kita cuma boleh menggalakkan syarikat-syarikat berkenaan supaya memberi pertimbangan yang seadilnya kepada pekerja mereka,” katanya.

Beliau menjawab soalan tam-

bahan **Senator Khairiah Mohamed** yang ingin tahu tentang jaminan kerajaan terhadap pekerja sektor minyak dan gas dalam sidang Dewan Negara di Parlimen, hari ini. Di samping itu, kata Najib, pekerja-pekerja dalam sektor minyak dan gas serta komoditi lain digalakkan melihat sektor lain yang boleh ditentukan ransangannya seperti pelancongan.

Beliau berkata, kerajaan boleh menumpukan sektor itu untuk membantunya menjadi lebih berkembang dan pesat dalam jangka pendek.

Dalam pada itu, menjawab soalan asal **Senator Mariany Mohammad Yit**, Najib berkata, walaupun perkembangan ekonomi Malaysia pada 2016 bergerak perlahan berdasarkan ketidaktentuan ekonomi global, namun ekonomi negara dijangka mengunjur lebih kukuh pada 2017 berdasarkan landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang dijangka lebih memberangsangkan pada tahun itu.

Jelas beliau, berdasarkan laporan *World Economic Outlook (WEO)* oleh Tabung Kewangan Antarabangsa bulan ini, Malaysia akan menerima manfaat daripada perkembangan ekonomi dunia yang dijangka meningkat pada kadar 3.5 peratus pada 2017 berbanding 3.2 peratus berbanding tahun ini.